

PEPERIKSAAN PRASPM 2014  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
Bahasa Melayu  
Kertas 1  
Peraturan Pemarkahan  
Ogos

1103/1(PP)

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** .Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

**SULIT**

**PERATURAN PEMARKAHAN SOALAN BAHAGIAN A****Arahan dalam soalan Bahagian A**

- o Panjangnya antara 200 -250 patah perkataan
- o Jika calon menulis mengikut kepanjangan seperti arahan, boleh diberikan cemerlang jika memenuhi kriteria penskoran.

*Soalan* : Huraikan pendapat anda **tentang aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan untuk memastikan persekitaran sekolah sentiasa bersih.** *Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.*

Diharapkan calon dapat menghuraikan **aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan untuk memastikan persekitaran sekolah sentiasa bersih**

**1.0 Cadangan Isi**

- i. Pertandingan kebersihan kelas
- ii. Mengadakan taman
- iii. mengadakan program bergotong-royong

**2.0 Kemungkinan**

- i. Jika calon menghuraikan 2 daripada tiga idea yang terdapat dalam bahan grafik dengan ditambah 1 isi/ idea sendiri-periksa **seperti biasa.**
- ii. Jika calon menghuraikan 1 daripada 3 idea yang terdapat dalam bahan grafik dengan ditambah 2 isi/idea sendiri - **Maksimum Kepujian**
- iii. Jika calon tidak menghuraikan bahan rangsangan tetapi mengemukakan isi/idea sendiri yang menepati tema bahan rangsangan : terima: **Maksimum Memuaskan.**
- iv. Tidak ada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan.

## KRITERIA PENSKORAN BAHAGIAN A

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30  (28 – 30) (26 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li><input type="checkbox"/> Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi baru. Penggunaan kosa kata luas dan <b>tepat</b>.</li> <li><input type="checkbox"/> Wacana lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <b>ungkapan yang menarik</b>.</li> <li><input type="checkbox"/> Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan <b>matang</b>.</li> </ul>
Kepujian	20 – 25  (23 – 25) (20 – 22)	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li><input type="checkbox"/> Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata <b>luas</b>.</li> <li><input type="checkbox"/> Wacana lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</li> <li><input type="checkbox"/> Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan <b>jelas</b>.</li> </ul>
Memuaskan	15 – 19  ( 17 – 19 ) ( 15 – 16 )	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Karangan <b>masih</b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li><input type="checkbox"/> Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat. Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum.</li> <li><input type="checkbox"/> Wacana <b>masih</b> lengkap. Unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li> <li><input type="checkbox"/> Idea <b>masih</b> relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea <b>masih</b> jelas.</li> </ul>

Kurang Memuaskan	<p><b>10 – 14</b></p> <p>( 12 – 14 ) ( 10 – 11 )</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Karangan <b>kurang / masih</b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li><input type="checkbox"/> Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat. <b>Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara.</b> Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat <b>kesalahan ejaan yang ketara.</b> Penggunaan kosa kata terhad.</li> <li><input type="checkbox"/> Wacana <b>kurang</b> lengkap. Unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li><input type="checkbox"/> Idea <b>kurang</b> relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraiananya <b>kurang</b> jelas.</li> </ul>
Pencapaian Minimum	<p><b>01 – 09</b></p> <p>( 06 – 09 ) ( 01 – 15 )</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li><input type="checkbox"/> Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li> <li><input type="checkbox"/> Idea <b>tidak</b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li><input type="checkbox"/> Calon tidak menjawab tugas (Tiada kaitan dengan soalan)</li> </ul>

*\*Ungkapan yang menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud al-Quran dan lain-lain.*

**PERATURAN PEMARKAHAN BAHAGIAN B****Soalan 1**

Fenomena segelintir pelajar yang bekerja secara sambilan sehingga menjejaskan prestasi pelajaran semakin membimbangkan.

Tulis satu rencana tentang fenomena berkenaan untuk disiarkan dalam sebuah majalah remaja.

**1.0 Cadangan isi**

- i. Punca - desakan kewangan.
- ii. Tarikan kewangan lebih kuat daripada akademik
- iii. Keinginan beli barangan idaman pelajar
- iv. Langkah menangani : pihak sekolah bantu dari segi kewangan / mohon biasiswa.
- v. Langkah menangani : kelas pemulihan / bimbingan / kaunseling .
- vi. Langkah menangani : kaunseling / ceramah / perjumpaan dengan ibu bapa.

**1.1 Kemungkinan**

- i. Calon mesti menggunakan perkataan **pelajar** dalam jawapan. Sekiranya tidak menggunakan perkataan **pelajar**, tidak layak cemerlang.
- ii. Calon yang menggunakan perkataan remaja, tidak dianggap pelajar.

**1.2 Format**

- i. Tolak 1 markah format sekiranya tidak ada tajuk atau nama penulis.
- ii. Sekiranya calon tidak menulis tajuk dan nama penulis, ditolak 2 markah format serta tidak layak cemerlang.

**Soalan 2**

Kemiskinan keluarga sering dijadikan faktor kegagalan anak-anak dalam bidang akademik.

Jelaskan usaha-usaha yang dapat dilakukan oleh ibu bapa untuk memastikan anak-anak berjaya dalam pelajaran walaupun mereka menghadapi masalah kewangan.

**2.0 Isi Cadangan**

- i. Memberi sokongan dan dorongan sepenuhnya kepada anak-anak untuk meneruskan pelajaran - tidak mematahkan semangat anak-anak dengan masalah kewangan yang dihadapi.
- ii. Memberi nasihat yang berguna- kepentingan ilmu dalam hidup
- iii. Memohon bantuan kewangan untuk pelajaran anak-anak seperti biasiswa

iv. Mengajar sendiri tambahan di rumah jika mampu

## 2.1 Kemungkinan

- i. Jika calon menghuraikan dua peranan ibu bapa dan satu peranan lain :  
Diterima
- ii. Jika calon menghuraikan bukan peranan ibu bapa tetapi ada kaitan dengan tema : **Maksimum Kepujian.**

## Soalan 3

Gejala rasuah dalam kalangan masyarakat bukan sahaja menafikan hak rakyat malah dapat menjejaskan imej negara,

Huraikan langkah-langkah yang boleh diambil oleh pelbagai pihak untuk menangani gejala ini.

## 2.0 Isi Cadangan

- i. Peranan kerajaan - menahan, mendakwa dan menghukum pesalah-pesalah rasuah tanpa mengira kedudukan
- ii. Peranan kerajaan – kempen Melalui SPRM
- iii. Peranan ibu bapa - penerapan konsep keagamaan dan moral
- iv. peranan sekolah

## 3.1 Kemungkinan

- i. Jika calon menghuraikan peranan satu pihak sahaja, tidak layak cemerlang
- ii. Jika calon menghuraikan punca atau kesan gejala rasuah, **maksima: Kurang memuaskan. KM atas sekiranya bahasa gramatis, KM bawah sekiranya bahasa tidak gramatis.**

## Soalan 4

Krisis kekurangan makanan yang berlaku di rantau ini dapat ditangani secara berkesan melalui kerjasama antara negara serantau.

Bincangkan kerjasama yang dapat dilakukan oleh Malaysia dengan negara-negara jiran untuk menangani krisis tersebut.

## 4.0 Isi Cadangan

- i. mengadakan program makanan
- ii. membuat pelaburan berkaitan dengan sektor pertanian di negara-negara membangun

- iii. menyuntik modal pinjaman kepada negara-negara membangun untuk mengusahakan sektor pertanian
- iv. berkongsi menyediakan kepakaran dalam sektor pertanian
- v. berkongsi teknologi / pelbagai mesin yang canggih berkaitan dengan sektor pertanian
- vi. menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada negara serantau yang menghadapi masalah makanan – bencana alam

#### 4.1 Kemungkinan

- i. calon mesti menyentuh sekurang-kurangnya nama sebuah Negara jiran. Negara jiran tidak semestinya Negara-negara Asia Tenggara. Negara yang menjalin hubungan diplomatik dengan Malaysia boleh diterima
- ii. Jika calon tidak menyentuh mana-mana Negara, tidak layak cemerlang

#### Soalan 5

Komponen sastera (KOMSAS) telah diperkenalkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu agar dapat menambahkan ilmu pengetahuan serta memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar.

Ulaskan pernyataan di atas.

#### 5.0 Isi cadangan

- i. dapat menambahkan ilmu pengetahuan
- ii. memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar.

Calon mesti menghurai kedua-dua aspek di atas.

#### 5.1 Kemungkinan

- i. sekiranya calon tidak menyentuh mana-mana aspek tersebut, tidak layak cemerlang
- ii. Jika calon menghuraikan kebaikan puisi Melayu lama : **Maksimum Baik**
- iii. calon mesti menyatakan nilai murni yang dipupuk melalui pengajaran KomSas dalam Bahasa Melayu

## PERINCIAN PEMARKAHAN

### Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.

2. Maksud kematangan dalam penulisan :

(a) cara penulisan pelajar , lengkap dan betul wacana (ada kesinambungan idea)

(b) Tahap pemikiran /contoh yang diberikan menunjukkan pengetahuan yang luas

(tidak hanya berkisar isu-isu di sekitarnya) -bacaan luas

3. Semasa penandaan, impression pertama adalah paling tepat kerana kita telah menilai karangan calon dari segi tugas, bahasa dan olahan secara holistik.

4. Elakkan mencari kesalahan calon untuk menurunkan markah calon. Cari kekuatan yang ada pada skrip calon.

5. Bagi skrip cemerlang, perlu ada toleransi bagi kesalahan minimum kerana karangan cemerlang bukan bebas daripada kesalahan tatabahasa. Perlu dilihat secara holistik kriteria mana yang lebih dominan.

340 - 350 pp      Tanda seperti biasa

300 - 339 pp      Tidak layak cemerlang

251-299 pp      Peringkat baik

Kurang 250 pp      Peringkat kurang memuaskan

Jika bahasa baik -markah peringkat KM atas      **28 – 35**

Jika bahasa kurang gramatis - markah peringkat KM bawah:      **21- 27**

6. **Kesalahan format** hendaklah ditolak **maksimum 2 markah**.

7. **Kesalahan ejaan** hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah dan pemotongan **maksimum 3 markah**. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.

8. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

( ) =Kesalahan isi

\_\_\_\_\_ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca



## KRITERIA PENSKORAN BAHAGIAN B

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	80 – 100 (90 – 100 ) (80 – 89 )	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Idea yang relevan mengikut tugas, diuraikan dengan <b>jelas dan matang</b>, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li><input type="checkbox"/> Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang luas dan tepat.</li> <li><input type="checkbox"/> Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat.</li> <li><input type="checkbox"/> <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul.</li> <li><input type="checkbox"/> Penggunaan <b>pelbagai jenis ayat majmuk</b> yang gramatis.</li> <li><input type="checkbox"/> <b>Laras bahasa</b> yang sesuai dengan tugas.</li> <li><input type="checkbox"/> Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b>.</li> <li><input type="checkbox"/> <b>Gaya bahasa sangat</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> <li><input type="checkbox"/> <b>Pengolahan menarik</b> dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li> <li><input type="checkbox"/> <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara <b>perenggan. (perlu ada)</b></li> </ul>
KEPUJIAN	66 – 79 ( 73 – 79 ) ( 66 – 72 )	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Idea yang relevan mengikut tugas, diuraikan dengan <b>jelas</b>, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li><input type="checkbox"/> Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang tepat.</li> <li><input type="checkbox"/> Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat.</li> <li><input type="checkbox"/> <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul.</li> <li><input type="checkbox"/> Penggunaan <b>pelbagai jenis ayat majmuk</b> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum.</li> <li><input type="checkbox"/> <b>Laras bahasa</b> g sesuai dengan tugas.</li> <li><input type="checkbox"/> Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b>.</li> <li><input type="checkbox"/> <b>Gaya bahasa sangat</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau</li> </ul>

		<p>frasa.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> <b>Pengolahan menarik</b> dan berkesan serta pemerengganan sesuai.</li> <li><input type="checkbox"/> <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara <b>perenggan.</b>(perlu ada)</li> </ul>
<b>BAIK</b>	<p><b>51 – 65</b> ( 58 – 65 ) ( 51 – 57 )</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai.</li> <li><input type="checkbox"/> Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> sesuai.</li> <li><input type="checkbox"/> Penggunaan <b>kosa kata umum</b></li> <li><input type="checkbox"/> <b>Ejaan dan tanda baca</b> masih betul.</li> <li><input type="checkbox"/> Penggunaan <b>pelbagai ayat</b> gramatis tetapi terdapat kesalahan yang <b>minimum.</b></li> <li><input type="checkbox"/> <b>Laras bahasa</b> sesuai mengikut tugas.</li> <li><input type="checkbox"/> Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b></li> <li><input type="checkbox"/> <b>Gaya bahasa</b> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang berkesan.</b></li> <li><input type="checkbox"/> <b>Pengolahan</b> masih menarik, dan pemerengganan masih sesuai.</li> <li><input type="checkbox"/> <b>Wacana</b> masih lengkap.</li> </ul>
<b>MEMUASKAN</b>	<p><b>36 – 50</b> (43 – 50 ) (36 – 42 )</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugas, huraian isi <b>kurang</b> jelas dan contoh <b>kurang</b> sesuai.</li> <li><input type="checkbox"/> Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> terhad.</li> <li><input type="checkbox"/> Penggunaan <b>kosa kata umum dan terhad</b></li> <li><input type="checkbox"/> <b>Ejaan dan tanda baca</b> betul tetapi terdapat kesalahan minimum.</li> <li><input type="checkbox"/> Ayat <b>kurang</b> gramatis</li> <li><input type="checkbox"/> <b>Laras bahasa</b> kurang sesuai.</li> <li><input type="checkbox"/> Penggunaan <b>unsur bahasa kurang bervariasi</b></li> <li><input type="checkbox"/> <b>Gaya bahasa</b> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang berkesan.</b></li> <li><input type="checkbox"/> <b>Pengolahan</b> kurang menarik.</li> </ul>

		<input type="checkbox"/> <b>Wacana masih /kurang lengkap.</b>
<b>KURANG MEMUASKAN</b>	<b>21 – 35</b> ( 28 – 35 ) ( 21 – 27 )	<input type="checkbox"/> <b>Idea masih relevan /idea bercampur aduk dan huraian isi tidak jelas dan contoh kurang sesuai.</b> <input type="checkbox"/> <b>Penggunaan kurang tepat.</b> <input type="checkbox"/> <b>Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.</b> <input type="checkbox"/> <b>Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami</b> <input type="checkbox"/> <b>Unsur bahasa tidak bervariasi</b> <input type="checkbox"/> <b>Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah</b> <input type="checkbox"/> <b>Pengolahan tidak menarik.</b> <input type="checkbox"/> <b>Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</b>
<b>PENCAPAIAN MINIMUM</b>	<b>01 – 20</b> (11 – 20 ) ( 01 – 10 )	<input type="checkbox"/> <b>Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai</b> <input type="checkbox"/> <b>Keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis</b> <input type="checkbox"/> <b>Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara</b> <input type="checkbox"/> <b>Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik.</b> <input type="checkbox"/> <b>Pengolahan tidak menarik</b> <input type="checkbox"/> <b>Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai</b> <input type="checkbox"/> <b>Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami.</b> <input type="checkbox"/> <b>Tidak jawab soalan/karangan hafalan</b>

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT